

Media Monitoring

Publication : Kosmo – Niaga (Pg 51)

Date : 7 September 2011

Reference : Etika International Holdings Ltd

Headline : Etika buka kilang pembotolan PET di New Zealand

Etika buka kilang pembotolan PET di New Zealand

KUALA LUMPUR – Pengeluar susu pekat manis terbesar di dunia, Etika International Holdings Ltd. (Etika) mombuka sebuah kilang pembotolan aseptik *polyethylene terephthalate* (PET) suhu ultra tinggi (UHT) di Hawkes Bay, New Zealand baru-baru ini yang berperanan dalam pembotolan produk susu dan jus buah-buahan.



ETIKA INTERNATIONAL
HOLDINGS LIMITED

Kilang yang terletak di tanah seluas 165 hektar di Taman Industri Whakatu itu juga bakal menjadi kilang pertama di dunia yang menghasilkan formula cecair bayi UHT dalam botol PET dengan penutup berputing.

Teknologi pembotolan PET membolehkan produk disimpan tanpa menggunakan peti sejuk sehingga 12 bulan tanpa menjejaskan kualitinya selain membolehkan pembungkusan yang lebih fleksibel berbanding pembungkusan UHT konvensional.

Pengerusi Etika, Datuk Jaya Tan berkata, pembukaan kilang tersebut dirintis oleh subsidiari dengan kepentingan majoriti Etika, Etika Dairies NZ Ltd. (EDNZ) yang merupakan usaha sama antara pelabur tempatan di Hawkes Bay dan Etika (NZ) Ltd.

"Melalui kerjasama ini, kami berharap dapat mengukuhkan bahagian susu kami



TAN (tiga kiri) bergambar bersama-sama tetamu penting yang hadir pada majlis perasmian kilang terbaharu Etika di New Zealand baru-baru ini.

yang merupakan kunci pertumbuhan kumpulan bagi meningkatkan ketahanan untuk berhadapan dengan situasi kewangan global yang bergerak perlahan.

"Kami sentiasa melihat potensi baharu bagi mengembangkan perniagaan kami," katanya dalam satu kenyataan akhbar yang dikeluarkan di sini.

Kilang tersebut diuruskan oleh seorang ahli perniagaan tempatan, Neil McGarva yang juga merupakan rakan kongsi dalam EDNZ dan mempunyai pengalaman selama 27 tahun dalam industri makanan dan

minuman di New Zealand.

Ia dijangka memulakan pengeluaran secara komersial pada bulan Oktober ini, dengan aktiviti terasnya termasuk pengeluaran produk susu UHT untuk kumpulan Etika dan pembotolan aseptik PET bagi pihak ketiga untuk pasaran tempatan dan eksport.

Antara produk utama yang akan dikeluarkan ialah minuman susu berperisa, susu soya, susu bebas laktosa, jus buah-buahan, susu formula bayi sedia diminum dan susu UHT standard.